



INTERNATIONAL CONVENTION ON RESOURCEFUL ENTREPRENEURS ACHIEVING TOMORROW'S EXCELLENCE (I-CREATE) 2026

PROGRAM BERSAMA DENGAN I-CREATE 2026



RAKAN STRATEGIK



DITAJA OLEH



SELIRIH BICARA TIMBALAN NAIB CANSOLOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam program International Convention on Resourceful Entrepreneurs Achieving Tomorrow's Excellence (I-CREATE) 2026 pada hari yang penuh bermakna ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan atas komitmen serta dedikasi dalam menganjurkan program berimpak tinggi ini.

Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada rakan strategik dan para penaja yang telah memberikan sokongan padu dalam menjayakan penganjuran I-CREATE 2026 yang berlangsung dari 9 hingga 13 Mei 2026.

Kejayaan penganjuran program ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa sokongan kukuh daripada rakan strategik yang memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan universiti. Justeru, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Universitas Muhammadiyah Riau, Institut Bisnis dan Teknologi Pelita Indonesia, Pekanbaru, Universiti Brunei Darussalam. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pihak penaja khususnya Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Kelantan (PEKAUMK), APPGM-SDG Malaysia dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMK. Kerjasama strategik ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara universiti dan industri, malah membuka ruang kepada pelajar untuk memperoleh pendedahan dunia sebenar, meningkatkan kebolehpasaran graduan serta mempercepatkan proses pengkomersialan inovasi.

Program I-CREATE merupakan platform strategik yang menghubungkan teori akademik dengan aplikasi praktikal. Melalui platform ini, pelajar diberi peluang untuk menetengahkan idea inovatif serta membangunkan produk yang berpotensi untuk dikomersialkan. Dalam landskap ekonomi global yang semakin kompleks dan dinamik, keupayaan untuk berinovasi, beradaptasi serta mencipta nilai baharu menjadi faktor kritikal kepada kejayaan individu dan organisasi. Oleh itu, pembangunan keusahawanan memerlukan pendekatan ekosistem yang menyeluruh, melibatkan kerjasama erat antara universiti, industri dan komuniti. Tema pada tahun ini, "Shaping Resilient Entrepreneurs for a Sustainable and Inclusive Future", amat bertepatan dalam membentuk generasi usahawan yang bukan sahaja berdaya tahan, tetapi juga mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif.

I-CREATE 2026 menampilkan rangkaian program yang komprehensif merangkumi inovasi, pembangunan start-up, literasi kewangan, kemahiran komunikasi serta integrasi teknologi. Antara program utama yang diketengahkan ialah The Carnival of Megapreneurship and Innovation (COMEI), Revolutionizing Ideas and Startup Excellence (RISE), Accounting, Banking, and Islamic Finance Festival (AIFIF), Nascent Entrepreneurial Week (NEWeek), Resourceful Professional Communication (RESPECT) dan I-CREATE International STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge 2026 (IISEIC 2026).

Keseluruhan program ini mencerminkan pendekatan holistik Universiti Malaysia Kelantan dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berkemahiran, inovatif dan berdaya saing di peringkat global. Penganjuran I-CREATE ini selari dengan aspirasi Universiti Malaysia Kelantan sebagai universiti keusahawanan terulung di Malaysia, di samping memperkukuh penjenamaan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa. Program ini juga menjadi platform penting dalam memperkukuh jaringan strategik antara universiti, industri dan komuniti serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara mampan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak termasuk jawatankuasa penganjur, rakan strategik, penaja serta para peserta atas komitmen dan dedikasi dalam menjayakan program ini. Besarlah harapan saya agar I-CREATE akan terus menjadi platform yang mencetuskan idea inovatif, melahirkan usahawan berdaya tahan serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara berterusan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan International Convention on Resourceful Entrepreneurs Achieving Tomorrow's Excellence (I-CREATE) 2026.

Sekian,
Wabillahi Taufiq Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**YBHG. PROF. DR.
HUZILI BIN HUSIN
TIMBALAN NAIB
CANSOLOR AKADEMIK
DAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

ALUAN
DEKAN FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun dalam program International Convention on Resourceful Entrepreneurs Achieving Tomorrow's Excellence (I-CREATE) 2026 pada hari ini.

Bagi pihak Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Naib Canselor atas kesudian merasmikan program ini, serta kepada semua rakan strategik, penaja dan peserta yang telah bersama-sama menjayakan I-CREATE 2026. I-CREATE bukan sekadar sebuah program tahunan. Ia merupakan platform strategik fakulti dalam membentuk usahawan masa hadapan melalui pendekatan experiential learning. Di FKP, kita percaya bahawa keusahawanan tidak boleh dibina hanya melalui teori, tetapi perlu ditempa melalui pengalaman, pendedahan dan interaksi dengan dunia sebenar. Oleh itu, I-CREATE dirangka sebagai satu ekosistem pembelajaran yang menghubungkan ilmu, pengalaman dan realiti industri. Pada tahun ini, I-CREATE 2026 menghimpunkan pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Program seperti COMEI membuka ruang kepada pelajar untuk meneroka dan mempamerkan inovasi yang berpotensi dikomersialkan dan Penyelaras program ialah Dr Fatimah binti Mohd yang melibatkan pelajar dalam program NextGen ecom seramai 169 orang pelajar dan program Desanova seramai 370 orang pelajar. RISE memfokuskan kepada pembangunan idea ke arah pembentukan start-up yang lebih tersusun dan berdaya saing dan Penyelaras program ialah Dr. Norzalizah binti Bahari melibatkan seramai 46 orang Pelajar. AIFIF pula memperkukuh kefahaman pelajar dalam aspek kewangan dan pematuhan perniagaan dan Penyelaras program ialah En Syed Azlan Aljafree bin Syed Khadzil melibatkan 100 orang pelajar.

Selain itu, melalui NEWeek, Pn. Yuhanis binti Mohamed Noor sebagai penyelaras dan seramai 730 pelajar diberi pendedahan awal kepada asas keusahawanan secara praktikal, manakala ProComm Career Programme (PCP) yang melibatkan 854 pelajar tahun akhir memberi penekanan kepada kebolehpasaran graduan agar lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan.

Selain itu program MARA NextGen Biz yang melibatkan seramai 150 pelajar dan En. Muhammad Naqib Bin Mat Yunoh selaku penyelaras program ini. Program ini bertujuan untuk untuk mengetengahkan peranan dan kejayaan MARA dalam membangunkan ekosistem keusahawanan melalui inisiatif, program sokongan dan impak kepada komuniti usahawan. Yang lebih penting, inisiatif seperti STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge menunjukkan komitmen kita untuk mengintegrasikan teknologi dan inovasi dalam keusahawanan selari dengan keperluan masa hadapan dan program ini akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2026.

Kejayaan program seperti I-CREATE tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan rakan strategik dan penaja. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada LHDN Malaysia, MARA, Universitas Muhammadiyah Riau, Institut Bisnis dan Teknologi Pelita Indonesia, Universiti Brunei Darussalam serta penaja seperti PEKAUMK dan APPGM-SDG Malaysia atas komitmen dan sokongan yang diberikan.

Pada hari ini, kita sering bercakap tentang teknologi Artificial Intelligence, digitalisation dan inovasi. Namun, satu realiti yang perlu kita akui ialah kita sebenarnya tidak berhadapan dengan krisis teknologi, tetapi krisis pelaksanaan. Teknologi hari ini semakin melimpah, tetapi keupayaan untuk menterjemahkan teknologi tersebut kepada nilai sebenar masih terhad. Di sinilah muncul satu konsep yang semakin penting, iaitu Entrepreneurial Intelligence. Entrepreneurial Intelligence bukan sekadar kebolehan berniaga. Ia adalah keupayaan manusia untuk mengenal pasti peluang di sebalik teknologi, mencipta nilai yang bermakna dan melaksanakan idea dalam konteks sebenar

Seperti yang kita lihat dalam kerangka ini AI menghasilkan kemungkinan, tetapi Entrepreneurial Intelligence yang menukarkan kemungkinan itu kepada impak sebenar. Jika kita hanya bergantung kepada teknologi tanpa membina keupayaan keusahawanan, kita akan melihat inovasi yang tidak berskala, pelaburan yang tidak memberi pulangan dan teknologi yang tidak sampai ke pasaran. Sebaliknya, apabila kita membangunkan Entrepreneurial Intelligence, kita membolehkan idea berkembang menjadi perniagaan, teknologi diterjemahkan kepada nilai dan inovasi memberi impak yang mampan. Inilah sebenarnya matlamat I-CREATE. Program ini bukan sekadar untuk melatih pelajar menjadi usahawan, tetapi untuk membentuk mereka menjadi individu yang mempunyai keupayaan mengenal peluang, keupayaan mencipta nilai dan keupayaan melaksanakan idea.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan I-CREATE 2026. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi impak yang berterusan kepada pembangunan usahawan masa hadapan.

Sekian,
Wabillahi Taufiq Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



PROF. MADYA DR.
DZULKIFLI BIN
MUKHTAR
(Dekan Fakulti
Keusahawanan dan
Perniagaan)
UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN

**UCAPAN
PENGARAH PROGRAM
INTERNATIONAL CONVENTION ON RESOURCEFUL ENTREPRENEURS ACHIEVING
TOMORROW'S EXCELLENCE
(I-CREATE)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Pergi ke taman memetik bunga,
Bunga melati harum baunya,
Terima kasih hadirin semua,
Sudi bersama memeriahkan acara.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun bagi menjayakan International Convention on Resourceful Entrepreneurs Achieving Tomorrow's Excellence (I-CREATE) 2026 pada hari ini. Bagi pihak jawatankuasa penganjur, saya dengan penuh rasa hormat mengalu-alukan kehadiran semua tetamu jemputan, rakan strategik, penaja serta para peserta ke program ini yang berlangsung dari 9 hingga 13 Mei 2026 di Universiti Malaysia Kelantan. I-CREATE 2026 merupakan sebuah platform bersepadu yang menghimpunkan pelbagai aktiviti akademik, inovasi dan keusahawanan dalam satu ekosistem pembelajaran yang dinamik dan holistik.

Program ini dirangka dengan objektif utama untuk memberi pendedahan praktikal kepada pelajar dalam bidang keusahawanan, disamping menggalakkan pembangunan idea inovatif yang berpotensi dikomersialkan dan memperkukuh kolaborasi strategik antara universiti, industri serta komuniti. Pendekatan "learning by doing" yang diterapkan diyakini mampu meningkatkan keyakinan, kemahiran serta daya saing pelajar dalam menghadapi cabaran dunia sebenar yang semakin kompleks dan kompetitif. I-CREATE 2026 menghimpunkan enam (6) program akademik utama yang melibatkan dua (2) kursus teras fakulti yang merangkumi pelbagai bidang kepakaran. Program ini turut menganjurkan I-CREATE International STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge (IISEIC) 2026 sebagai platform inovasi bertaraf antarabangsa. Antara program utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- The Carnival of Megapreneurship and Innovation (COMEI)
- Revolutionizing Ideas and Startup Excellence (RISE)
- Accounting, Banking, and Islamic Finance Festival (AIFIF) – melibatkan 555 pelajar
- Nascent Entrepreneurial Week (NEWeek) – melibatkan 730 pelajar
- Resourceful Professional Communication (RESPECT) – melibatkan 854 pelajar tahun akhir
- I-CREATE International STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge (IISEIC 2026) yang akan berlangsung pada Oktober 2026

Kesemua program ini dirangka secara komprehensif bagi memastikan pelajar memperoleh pengalaman menyeluruh merangkumi aspek inovasi, keusahawanan, kewangan, komunikasi profesional serta teknologi. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan program ini, khususnya pihak pengurusan universiti atas sokongan berterusan, rakan strategik seperti LHDN Malaysia, MARA, Universitas Muhammadiyah Riau, Institut Bisnis dan Teknologi Pelita Indonesia serta Universiti Brunei Darussalam serta penaja seperti PEKAUMK dan APPGM-SDG Malaysia. Tidak dilupakan juga kepada semua ahli jawatankuasa, pensyarah penyelar, fasilitator serta para pelajar yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan kelancaran program ini. Penganjuran program berskala besar seperti ini sememangnya memerlukan komitmen yang tinggi, koordinasi yang rapi serta kerjasama erat daripada pelbagai pihak. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, komitmen semua pihak telah membolehkan program ini dilaksanakan dengan jayanya. Saya berharap agar I-CREATE 2026 akan terus menjadi platform yang memberi nilai tambah kepada semua peserta, khususnya dalam membina keyakinan diri, mengembangkan idea serta memperkukuh jaringan profesional. Semoga segala usaha dan kerjasama yang dicurahkan akan memberikan impak yang berpanjangan kepada pembangunan keusahawanan di Universiti Malaysia Kelantan.

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kita menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
InsyaAllah kita bertemu lagi.

Sekian,
Wabillahi Taufiq Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**DR. ZAMINOR BINTI
ZAMZAMIR@ZAMZAMIN
(Pengarah I-CREATE)
UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

LATAR BELAKANG I-CREATE 2026

International Convention on Resourceful Entrepreneurs Achieving Tomorrow's Excellence (I-CREATE 2026) berperanan sebagai sebuah platform akademik yang menghimpunkan pelbagai inisiatif inovasi keusahawanan melalui enam (6) program akademik utama yang melibatkan dua (2) kursus teras fakulti merangkumi pelbagai bidang kepakaran. Program ini turut menganjurkan I-CREATE International STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge (IISEIC 2026) sebagai platform inovasi bertaraf antarabangsa yang memberi ruang kepada pelajar, penyelidik dan inovator untuk mengetengahkan idea kreatif serta penyelesaian inovatif berasaskan STEM dan teknologi pendidikan.

Antara program utama yang dilaksanakan ialah The Carnival of Megapreneurship and Innovation (COMEI) yang memupuk budaya inovasi dan keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui pelbagai aktiviti kreatif dan interaktif. Revolutionizing Ideas and Startup Excellence (RISE) pula menjadi platform pembangunan idea perniagaan dan startup berimpak tinggi. Selain itu, Accounting, Banking, and Islamic Finance Festival (AIFIF) melibatkan seramai 555 pelajar dalam aktiviti akademik dan profesional berkaitan perakaunan, perbankan dan kewangan Islam.

Nascent Entrepreneurial Week (NEWeek) yang melibatkan 730 pelajar memberi pendedahan kepada pelajar mengenai aplikasi praktikal keusahawanan melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman. Seterusnya, Resourceful Professional Communication (RESPECT) yang melibatkan 854 pelajar tahun akhir memberi penekanan terhadap pembangunan komunikasi profesional, kebolehpasaran graduan dan persediaan pelajar ke alam pekerjaan. Kemuncak program ini ialah I-CREATE International STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge (IISEIC 2026) yang dijadualkan berlangsung pada Oktober 2026 sebagai medan inovasi dan kolaborasi antarabangsa dalam memperkasakan budaya penyelidikan, teknologi dan keusahawanan masa hadapan.



1

The Carnival of Megapreneurship and Innovation (COMEI)



2

Revolutionizing Ideas and Startup Excellence (RISE)



3

The Accounting, Banking and Islamic Finance Festival (AIFIF)



4

Nascent Entrepreneurial Week (NEWeek)



5

Resourceful Professional Communication (RESPECT)



6

I-CREATE International STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge (IISEIC 2026)





THE CARNIVAL OF MEGAPRENEURSHIP AND INNOVATION (COMEI 3.0)

Karnival Megapreneurship dan Inovasi (COMEI) merupakan sebuah program inovasi keusahawanan yang dianjurkan oleh Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP). Program ini bertujuan untuk membantu para pelajar yang bercita-cita menjadi usahawan dalam merealisasikan idea perniagaan mereka, bermula dari peringkat konseptual sehingga pelaksanaan. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk bengkel e-usahawan dan penciptaan kandungan, pertandingan video pemasaran produk kreatif, sesi pembentangan idea perniagaan, penerokaan perniagaan pelajar, pameran inovasi produk, dan pembentangan poster. Para peserta dan pengunjung turut berpeluang untuk berinteraksi dengan panel hakim dan pakar industri, sekali gus membuka ruang kepada kerjasama komersial yang berpotensi.

COMEI dijangka melibatkan pelajar dalam program NextGen ecom seramai 169 orang pelajar dan program Desanova seramai 370 orang pelajar., seterusnya memupuk budaya inovasi dalam kalangan pelajar universiti dan memanfaatkan teknologi bagi tujuan inovasi keusahawanan. Secara keseluruhan, COMEI dijangka dapat memperkukuh jalinan kerjasama antara ahli akademik UMK, pihak industri dan para pelajar. Merupakan platform pembangunan inovasi keusahawanan pelajar. Aktiviti meliputi bengkel e-preneurship, pertandingan video pemasaran kreatif, sesi pitching idea perniagaan, pameran produk inovasi dan pembentangan poster. Pelajar berinteraksi secara langsung bersama juri industri dan akademik bagi membuka peluang kerjasama dan pengkomersialan idea.



REVOLUTIONIZING IDEAS AND STARTUP EXCELLENCE (RISE)

Program ini berupaya merealisasikan idea pelajar dalam konteks industri sebenar serta memberi tumpuan kepada pelaksanaan dan penerokaan idea perniagaan baharu. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi peluang kepada 46 orang pelajar yang terlibat untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan serta menerangkan secara ringkas dan padat mengenai perniagaan mereka kepada juri industri dan mentor akademik yang hadir secara fizikal. Program ini dilihat berpotensi untuk membolehkan pelajar mengetengahkan idea perniagaan inovatif baharu dan dijangka dapat menarik perhatian pemain industri untuk menyokong serta memulakan kerjasama dengan para pelajar. Pelajar membentangkan idea perniagaan kepada juri industri dan mentor akademik. Memberi pendedahan kepada pelaksanaan dan penerokaan idea baharu serta potensi kerjasama industri.



THE ACCOUNTING, BANKING AND ISLAMIC FINANCE FESTIVAL (AIFIF)

Festival Perakaunan, Perbankan dan Kewangan Islam (AIFIF) menghubungkan pelajar dengan dunia menarik dalam industri perakaunan, perbankan dan kewangan Islam. Melalui seminar bersama pakar industri, pelajar memperoleh pendedahan dunia sebenar dan berpeluang membina rangkaian dengan firma dan institusi kewangan terkemuka di Pameran Kerjaya dan Latihan Industri. Pengalaman ini melengkapkan pembelajaran mereka dan membantu persediaan untuk kerjaya yang berjaya. AIFIF turut memberi manfaat kepada pihak industri. Ia menggalakkan kerjasama antara universiti dan syarikat bagi memastikan graduan memiliki kemahiran yang diperlukan. Syarikat juga dapat mengenal pasti pelatih yang berpotensi untuk diserap sebagai pekerja tetap, sekali gus membantu mengatasi kekurangan bakat dalam industri. Program ini merangkumi seminar pagi yang penuh informasi diikuti dengan pameran kerjaya yang meriah, melibatkan wakil daripada firma dan institusi kewangan. Lebih 100 peserta terdiri daripada pelajar, pakar industri, pensyarah dan wakil syarikat mengambil bahagian, mewujudkan suasana pembelajaran dan jaringan yang dinamik. Menjelang masa hadapan, AIFIF merancang untuk memperluas topik perbincangan, menawarkan pelbagai format baharu, serta membina rangkaian alumni bagi memperkukuh persediaan pelajar untuk membina kerjaya yang cemerlang dalam bidang perakaunan, perbankan dan kewangan.

Festival ini menghubungkan pelajar dengan dunia sebenar industri perakaunan, perbankan dan kewangan Islam. Program ini mendapat kerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Pelajar mendapat pendedahan secara langsung melalui seminar pakar industri pembelajaran akademik dan meningkatkan kesiapsiagaan kerjaya pelajar. AIFIF turut memberi manfaat kepada industri dengan menggalakkan kerjasama bersama universiti untuk memastikan graduan memiliki kemahiran yang relevan.



RESOURCEFUL PROFESSIONAL COMMUNICATION (RESPECT)

Resourceful Professional Communication (RESPECT) yang diketuai oleh Dr. Yusmazida binti Mohd Yusoff, dengan penglibatan seramai 854 pelajar tahun akhir, berfokus kepada persediaan pelajar ke alam pekerjaan melalui pelbagai aktiviti pembangunan profesional seperti Grooming, penyediaan Resume, dan latihan Interview bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan serta keyakinan diri dalam menghadapi dunia kerjaya.



NASCENT ENTREPRENEURIAL WEEK (NEWeek)

Minggu Keusahawanan Baharu (NeWEEK) merupakan sebuah program yang membolehkan pelajar menjalankan aktiviti perniagaan sebenar, di mana semua pelajar ATF10203 Asas Keusahawanan akan terlibat dalam program ini. Seramai kira-kira 730 orang pelajar dijangka menyertai program ini. Objektif utama program ini adalah untuk memupuk ciri-ciri keusahawanan dalam diri setiap pelajar serta mengukuhkan kemahiran berfikir secara analitik dan menyelesaikan masalah. Melalui program ini, pelajar berpeluang mengaplikasikan konsep asas keusahawanan dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan. Di samping itu, pelbagai kemahiran keusahawanan turut diterapkan sepanjang pelaksanaan program, seperti kebolehan mengenal pasti dan menganalisis peluang perniagaan, memanfaatkan sumber perniagaan, membangunkan pelan pemasaran, serta mengurus operasi dan kewangan dengan berkesan.

Pelajar kursus ATF10203 Fundamentals of Entrepreneurship akan terlibat, melibatkan seramai 730 orang pelajar. Program ini bertujuan memupuk ciri-ciri keusahawanan dalam diri pelajar serta memperkukuh kemahiran berfikir secara analitik & menyelesaikan masalah. Pelajar akan menjalankan aktiviti perniagaan sebenar dan mengaplikasikan konsep asas keusahawanan dalam aktiviti perniagaan, mengenal pasti dan menganalisis peluang perniagaan, mengurus sumber, merancang pemasaran, serta mengendalikan operasi dan kewangan.



I-CREATE INTERNATIONAL STEMPRENEUR & EDUTECH INNOVATION CHALLENGE (IISEIC 2026)

STEMpreneur & EduTech Innovation Challenge menunjukkan komitmen kita untuk mengintegrasikan teknologi dan inovasi dalam keusahawanan selari dengan keperluan masa hadapan dan program ini akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2026.

PROCOMM CAREER PROGRAMME (PCP)

ProComm Career Programme (PCP)- Persediaan Pelajar tahun akhir ke alam pekerjaan (Grooming, Resume & Interview) yang melibatkan 854 pelajar tahun akhir memberi penekanan kepada kebolehpasaran graduan agar lebih bersedia menghadapi dunia pekerjaan.

MARA NEXTGEN BIZ

MARA NextGen Biz yang melibatkan seramai 150 pelajar dan En. Muhammad Naqib Bin Mat Yunoh selaku penyelar program ini. Program ini bertujuan untuk untuk mengetengahkan peranan dan kejayaan MARA dalam membangunkan ekosistem keusahawanan melalui inisiatif, program sokongan dan impak kepada komuniti usahawan.

TENTATIF I-CREATE 2026

9 MEI 2026

TARIKH/HARI	MASA/AKTIVITI/TEMPAT					
	8.30 a.m - 9.30 a.m	9.30 a.m - 10.30 a.m	10.45 a.m - 11.45 a.m	11.45 a.m - 1.00 p.m	1.00 p.m - 1.30 p.m	1.30 p.m - 5.00 p.m
9 May 2026 (Saturday)	RESPECT Mock Job Interview (B102B, A102B, B101B, B201D, A102D)				Rehat/ Solat /Makan Tengahari	REHEARSAL (Dewan Keusahawanan)

10 MEI 2026

TARIKH/HARI	MASA/AKTIVITI/TEMPAT				
	8.30 a.m - 9.30 a.m	9.30 a.m - 10.30 a.m	10.30 a.m - 1.00 p.m	1.00 p.m - 2.30 p.m	2.30 p.m - 5.00 p.m
10 May 2026 (Sunday)	Pendaftaran Peserta Jemputan Tempat: Dewan Keusahawanan Bilik Senat	Perasmian I-CREATE Perasmian Pembukaan: Prof. Dr. Huzili Husin (Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UMK) (Dewan Keusahawanan)	Pertandingan COMEI (Dewan Keusahawanan)	Rehat/ Solat /Makan Tengahari	Pertandingan COMEI (Dewan Keusahawanan)
			Sesi Perkongsian RESPECT Career Ready: Build Your E-Portfolio With Web Canva Pn. Nurul Nadiah Binti Mat Zin (ONLINE)		Sesi Perkongsian RESPECT Career Ready: Build Your E-Portfolio With Web Canva Pn. Nurul Nadiah Binti Mat Zin (ONLINE)
	NEWeek (Kampus Kota)				

11 MEI 2026

TARIKH/HARI	MASA/AKTIVITI/TEMPAT						
	8.30 a.m - 9.00 a.m	9.00 a.m - 12.00 a.m	12.00 p.m - 12.30 p.m	12.30 p.m - 1.00 p.m	1.00 p.m - 2.00 p.m	2.00 p.m - 3.45 p.m	3.45 pm - 5.15 pm
11 Mei 2026 (Monday)	Pendaftaran Peserta Juri Jemputan Tempat: Dewan Keusahawanan Bilik Senat	Sesi Perkongsian- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) Tajuk: Siswa Bijak Cukai & Pengenalan E-Invois di Malaysia i.Norazida Irani binti Ghazali Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kelantan ii.Pn Shuhailini binti Mohd Shuhaim Penolong Pengarah Kanan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Kelantan (Dewan Keusahawanan)			Rehat/ Solat /Makan Tengahari	AIFIF Financial Business Competition (Dewan Keusahawanan)	AIFIF Issues and Challenges in Islamic Banking Competition (Dewan Keusahawanan)
		Pertandingan/ Pameran RISE BUSINESS PITCHING (AKADEMIK) (B101D)					
	RESPECT Sesi Perkongsian- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Nur Salhira Binti Roslan Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan (C202DT)		RESPECT Qaizer Consultancy En. Ahmad Miqdad bin Rosli Pegawai Pengarah Wilayah FWD Takaful (B104D,B105B)				
	NEWeek: Kota Campus			Pertandingan/ Pameran RISE BUSINESS PITCHING (AKADEMIK) (B101D)			
						NEWeek: Kota Campus	

12 MEI 2026

TARIKH/HARI	MASA/AKTIVITI/TEMPAT						
	8.00 a.m - 8.30 a.m	8.30 a.m - 12.00 p.m	12.00 p.m - 1.00 p.m	1.00 p.m - 2.30 p.m	12.00 p.m - 1.00 p.m	1.00 p.m - 2.30 p.m	2.30 p.m - 5.00 p.m
	Pendaftaran Peserta Juri Jemputan	PEKAUMK I-CREATE bersama PEKAUMK PdP Pintar: Tips Praktikal NotebookLM dan Gemini Dr. Ahmad Zaki bin Amiruddin Timbalan Pengarah Bahagian Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran & Kepimpinan Akademik (A101D)					Sesi Perkongsian bersama PTPTN Tajuk: En. Ahmad Dasuki Abdul Majid Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) (Dewan Keusahawanan)
12 May 2026 (Tuesday)	Tempat: Dewan Keusahawanan Bilik Senat	<p style="text-align: center;">Sesi Perkongsian- Majlis Amanah Rakyat (MARA)</p> <p style="text-align: center;">Tajuk: Taklimat Keusahawanan MARA Encik Mohd Faisal Bin Mohd Hasan</p> <p style="text-align: center;">Tajuk: Taklimat Pendidikan MARA Encik Mohd Thalhah Bin Ab.Liah</p> <p style="text-align: center;">Tajuk: Taklimat Pendigitalan Perniagaan Encik Wan Azizul Solehin Bin Wan Mohd Yusof</p> <p style="text-align: center;">Tajuk: Power Talk: Ikon Usahawan Berjaya Puan Che Nurul Hafizah Binti Che Zulkifli</p> <p style="text-align: center;">Tajuk: Storyline and Success Story of MARA in Entrepreneurship Pn. Mimi Mazlin bin Mohamad Yusof, Pengarah, Bahagian Infrastruktur MARA (Dewan Keusahawanan)</p>				Rehat/ Solat /Makan Tengahari	<p style="text-align: center;">Sesi Perkongsian</p> <p style="text-align: center;">APPGM-SDG Kajian Kemasyarakatan dan SDG (Bilik Meeting Senat)</p>
		NEWeek: Kota Campus					NEWeek: Kota Campus

13 MEI 2026

TARIKH/HARI	MASA/AKTIVITI/TEMPAT				
	8.00 a.m - 8.30 a.m	9.00 a.m - 10.30 a.m	11.00 a.m - 12.30 p.m	1.00 p.m - 2.30 p.m	2.30 p.m - 5.00 p.m
13 May 2026 (Wednesday)	Pendaftaran Peserta Jemputan Tempat: Dewan Keusahawanan Bilik Senat	Sesi Perkongsian Encik Rizal bin Nainy Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia Online	Forum Bersama Prof. Adjung What Employers Really Look For: Preparing for the Real World of Work Dato' Norasni binti Ayob Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN Dewan Keusahawanan	Rehat/ Solat /Makan Tengahari	<p style="text-align: center;">Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah</p> <p style="text-align: center;">Penutup: Prof. Madya Dr. Dzulkifli Mukhtar Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan & Penasihat I-CREATE 2026 Dewan Keusahawanan</p>
		NEWeek: Kota Campus			NEWeek: Kota Campus

PENAJA UTAMA I-CREATE 2026



AHLI JAWATANKUASA I-CREATE 2026

PENASIHAT I

Prof. Madya Dr. Dzulkifli bin Mukhtar

PENASIHAT II

Prof. Dr. Mohd Nor Hakim bin Yusoff

PENGERUSI I

Prof. Madya Dr. Wan Farha binti Wan Zulkiffli

PENGERUSI II

Dr Nur Ain Ayunni binti Sabri

PENGARAH PROGRAM

Dr. Zaminor binti Zamzamin@Zamzamin

SETIAUSAHA

Dr. Eni Noreni binti Mohamad Zain

BENDAHARI

Dr. Nur Shahirah Adilah binti Mohd Sairazi
Puan Nor Edawani binti Shamsuddin
Puan Siti Noraishah binti Mat Husin

PENGARAH PROGRAM COMEI

Dr Fatihah binti Mohd

PENGARAH IISEIC 2026

Mrs. Nurul Hasliana binti Hamsani

PENGARAH PROGRAM AIFIF

En Syed Azlan Aljafree bin Syed Khadzil

PENGARAH PROGRAM NEWEEK

Pn. Yuhanis binti Mohamed Noor

PENGARAH PROGRAM RISE

Dr. Norzalizah binti Bahari

PENGARAH PROGRAM PCP

Dr. Yuzmazida binti Mohd Yusoff

JAWATANKUASA SISTEM

En. Zul Karami bin Che Musa
Prof. Madya Dr. Mohd Zulkifli bin Muhammad

JAWATANKUASA PUBLISITI & PROMOSI

Dr. Rikinohanis bin Ridzwan
Dr. Wan Mohd Nadzrol bin Mohd Nasir
Dr. Nur Syakirah binti Ahmad

JAWATANKUASA PENDAFTARAN

Dr. Nurul Fadzlyn binti Enche Nadzmy
Dr. Abdul Aziz bin Yaacob

JAWATANKUASA CENDERAHATI

Dr. Nor Fazlirda binti Hairani
Dr. Mohamad Hazeem bin Mohamad Sidik

JAWATANKUASA SIJIL & MONTAJ

Pn. Afifah Hanim binti Md Pazil
Dr. Nur A'mirah binti Mohd Yaziz

JAWATANKUASA PENJURIAN

Pn. Nik Madeeha binti Nik Mohd Munir
Pn. Nik Noorhazila Bt Nik Mud

JAWATANKUASA ATURCARA MAJLIS & BUKU

Dr. Nor Hafiza binti Othman
Prof. Madya Dr Nurhaiza binti Nordin
Prof. Madya Dr. Nurnaddia binti Nordin
Dr. Siti Zamanira binti Mat Zaib

JAWATANKUASA PERTANDINGAN

Dr Nurul Izyan Mat Daud
Dr Fatihah binti Mohd
Dr. Norzalizah binti Bahari
Pn. Yuhanis binti Mohamed Noor
Cik Azlinda Shazneem binti Md Shuaib
En Syed Azlan Aljafree bin Syed Khadzil

JAWATANKUASA PENAJAAN & JARINGAN INDUSTRI

Dr. Siti Som binti Husin
Dr. Noor Raihani binti Zainol
Dr. Nor Asma binti Ahmad

JAWATANKUASA PERSEGERAN

Pn. Munirah binti Mahshar
Pn. Azizah bin Musa

JAWATANKUASA PERSIAPAN TEMPAT & KEBERSIHAN

Dr. Lu Man Hong
Dr. Tan Wai Hong
Dr. Azira Hanani Binti Ab Rahman

JAWATANKUASA TEKNIKAL & JURUGAMBAR

Cik Nurul Azwa binti Kadri
Dr. Hassanuddiin bin Hassan

JAWATANKUASA PERASMIAN & PROTOKOL

Dr. Hazrina binti Hasbolah
Dr. Nor Syafiqah binti A. Samad
Dr. Muhammad Firdaus bin Zakaria
Pn. Nurul Ashikin binti Mohd Lukman

JAWATANKUASA PEMPAMER

Dr. Nur Farahiah binti Azmi
Dr. Tahirah binti Abdullah
Dr. Siti Salwani binti Abdullah

JAWATANKUASA LOGISTIK & PENGINAPAN

En. Muhamad Naqib bin Mat Yunoh
Dr. Nur Kamaliah binti Azis

JAWATANKUASA JEMPUTAN

Dr. Siti Rohana binti Mohamad
Dr. Siti Fariha binti Muhamad

JAWATANKUASA PENGURUSAN PELAJAR

Pn Aimi Nadia binti Ibrahim @ Zakaria

TERIMA KASIH

Kita #Bina Legasi UMK Bersama
#OneUMKOneDream
#NothingIsImpossible

'ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST'

UMK Kampus Kota
Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Kelantan

<https://fkp.umk.edu.my>
icreate.fkp@umk.edu.my